

Sungai Siput - Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) giat membantu Kementerian Pendidikan menanam minat pelajar termasuk Orang Asli terhadap mata pelajaran Sains apabila melaksanakan pelbagai program dan aktiviti besar bermula awal tahun ini.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah Fakulti Sains UPM Prof Dr Mohd Basyaruddin Abdul Rahman berkata, pihaknya memberi keutamaan kepada pelajar di kawasan luar bandar bagi meningkatkan penerimaan sains.

“Kami sudah merangka beberapa program besar membabitkan pelajar sekolah dan komuniti setempat dengan kerjasama pemimpin tempatan seperti Projek Duta Sains (PDS) di empat kawasan parlimen pada November hingga Mac nanti.

“Sementara pada 10 hingga 12 Mac depan, program Karnival Sains UPM akan diadakan secara besar-besaran di UPM Serdang, Selangor bersempena sambutan ulang tahun ke-40 Fakulti Sains,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Transmisi Komuniti Saintifik pada Kem Eksplorasi Sains berlangsung tiga hari ber-



SEBAHAGIAN pelajar Orang Asli SMK Muhibbah, Sungai Siput tekun mendengar penerangan daripada saintis.

Tanam minat subjek Sains

akhir hari ini (Ahad) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Muhibbah, Sungai Siput (Utara) di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pegawai Kemajuan Orang Asli Kuala Kangsar, Che Maznah Yusof dan Pengetua SMK Muhibbah, Kamaruzaman Abd Murad.

Kem tiga hari disertai seramai 117 pelajar Orang Asli Tingkatan Dua dan Tiga sekolah berkenaan menerusi pembabitkan dalam pelbagai aktiviti berasaskan permainan sains yang menyeronokkan dengan dibantu 37 pelajar Fakulti Sains UPM sebagai fasilitator dan 12 saintis muda yang pakar da-

lam kimia, fizik, biologi dan matematik.

Dr Mohd Basyaruddin yang juga Felo Akademi Sains Malaysia berkata, keutamaan turut diberikan kepada masyarakat Orang Asli di negara ini membabitkan beberapa sekolah di kawasan luar bandar bagi meningkatkan bilangan yang cemerlang minoriti itu dalam bidang sains.

Menurutnya, program Kem Eksplorasi Sains di SMK Muhibbah ini adalah julung kali diadakan khas untuk pelajar kaum Orang Asli bagi membantu mereka terhadap perkembangan dan pencapaian mata pelajaran Sains.